

## TERMA DAN SYARAT KHAS TAMBAHAN

### 1. **PENGENALAN**

- 1.1 Sila baca Terma Perkhidmatan ini dengan teliti. Dengan menggunakan khidmat My Local Maid, anda bersetuju bahawa anda telah membaca dan memahami terma-terma di dalam Terma Perkhidmatan ini yang tertakluk kepada anda. Terma Perkhidmatan ini dan Polisi My Local Maid (sebagaimana yang dinyatakan) adalah membentuk satu perjanjian dari segi undang-undang di antara anda dan My Local Maid. Perjanjian ini mengikat berdasarkan penggunaan perkhidmatan oleh anda (sebagaimana yang dinyatakan) yang disediakan oleh My Local Maid. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan Terma Perkhidmatan, sila jangan guna atau terus mengguna Aplikasi atau Perkhidmatan ini.
- 1.2 My Local Maid boleh meminda terma-terma di dalam Perjanjian ini pada bila-bila masa. Pindaan tersebut akan berkuatkuasa sebaik sahaja dipaparkan di <https://www.mylocalmaid.com.my> atau di Aplikasi. Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mengkaji semula Terma Perkhidmatan ini secara berkala. Penggunaan perkhidmatan secara berterusan selepas sebarang pindaan oleh anda, samada dikaji semula oleh anda atau tidak adalah dianggap sebagai persetujuan anda untuk terikat dengan pindaan tersebut.
- 1.3 Sekiranya anda menggunakan perkhidmatan di Negara selain anda mendaftarkan Aplikasi (“Negara Alternatif tersebut”), anda hendaklah mengkaji semula secara berkala Terma Perkhidmatan yang terdapat di Negara Alternatif tersebut yang boleh didapati di <https://www.mylocalmaid.com.my> memandangkan ianya mungkin berbeza di Negara mana anda mendaftarkan Aplikasi tersebut. Dengan menggunakan Perkhidmatan ini di Negara Alternatif tersebut, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma Perkhidmatan yang termaktub.
- 1.4 My Local maid adalah syarikat teknologi yang menyediakan platform untuk pengguna mendapatkan khidmat pembantu rumah yang disediakan oleh kami atau pekongsi. Tugas My Local Maid hanyalah untuk menghubungkan pengguna dan pekongsi melalui platform tersebut. My Local Maid adalah tidak bertanggungan ke atas apa-apa tindakan atau pun salah laku oleh pekongsi. Pekongsi hendaklah menanggung segala liabiliti melibatkan

khidmat yang ditawarkan. Pekongsi adalah bukan dan hendaklah tidak memperkenalkan diri sebagai ejen, pekerja atau staf My Local Maid dan apa-apa tawaran penyelesaian oleh penyedia perkhidmatan tidak boleh dianggap disediakan oleh My Local Maid.

## 2. DEFINISI

Di dalam Terma Perkhidmatan ini, perkataan-perkataan berikut adalah membawa makna sebagaimana berikut:

- 2.1 "Aplikasi" bermaksud aplikasi telefon yang relevan yang disediakan oleh My Local Maid (atau pelesennya) untuk dimuat turun oleh pengguna dan pekongsi;
- 2.2 "Konsumer" atau "Pengguna" bermaksud mana-mana pengguna akhir yang mengakses atau menggunakan Platform tersebut untuk mencari atau mendapatkan Solusi;
- 2.3 "Caj Konsumer" atau "Caj Pengguna" bermaksud caj yang dikenakan kepada pengguna bagi Solusi yang didapati melalui penggunaan perkhidmatan, termasuk man-mana tol, cukai dan mana-mana yuran atau caj yang dikenakan disebabkan oleh penggunaan Perkhidmatan atau Solusi;
- 2.4 "My Local Maid" / "kami" bermaksud Agensi Pekerjaan MLMS Sdn Bhd;
- 2.5 "Polisi My Local Maid" bermaksud sebagaimana berikut:
  - 2.5.1 Polisi Privasi;
  - 2.5.2 Tata Kelakuan Penyedia Perkhidmatan / Pembantu Rumah atau Tata Kelakuan Konsumer/ Pengguna My Local Maid yang mungkin terpakai; dan
  - 2.5.3 Apa-apa bentuk polisi, notis, garis panduan, soalan lazim ditanya (FAQs) atau apa-apa perjanjian yang disediakan atau dimasuki oleh anda dari masa ke semasa;

- 2.6 “Pekongsi” bermaksud mana-mana pihak ketiga yang bebas (bukan My Local Maid) yang menyediakan Solusi yang relevan kepada Konsumer/Pengguna melalui Perkhidmatan, termasuk Pembantu Rumah dan mana-mana penyedia perkhidmatan yang relevan;
- 2.7 “Data Peribadi” bermaksud mana-mana maklumat yang boleh digunakan untuk mengesahkan anda atau daripada mana anda boleh disahkan. Ini termasuk tetapi tidak tertakluk hanya kepada nama, kewarganegaraan, nombor telefon, bank dan maklumat kad kredit, minat peribadi, alamat email, imej/gambar anda, nombor pengenalan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan, data biometrik, bangsa, tarikh lahir, status perkahwinan, agama, maklumat kesihatan, kenderaan dan maklumat insurans;
- 2.8 “Platform” bermaksud Aplikasi, Perisian (Software) dan mana-mana platform, portal atau laman web yang dimiliki oleh My Local Maid, yang beroperasi atau yang tersedia untuk Konsumer/Pengguna dan/atau pekongsi untuk tujuan atau berhubung dengan Perkhidmatan dan/atau Solusi;
- 2.9 “Polisi Privasi” bermaksud polisi privasi kami yang boleh di akses di <https://www.mylocalmaid.com.my> sebagaimana pindaan dari masa ke semasa;
- 2.10 “Perkhidmatan” bermaksud hubungan antara Konsumer/Pengguna kepada Pekongsi atau Konsumer/Pengguna lain melalui Aplikasi, Platform dan/atau Perisian (Software);
- 2.11 “Perisian (Software)” bermaksud mana-mana perisian yang berkaitan dengan Aplikasi yang dibekalkan untuk pemasangan oleh My Local Maid dan sedia untuk dimuat turun;
- 2.12 “Solusi” bermaksud pakej perkhidmatan yang disediakan, pakej tambahan yang ditawarkan termasuk latihan, laporan perubatan, logistik, insurans dan/atau mana-

- mana produk dan perkhidmatan yang disediakan dan/atau ditawarkan kepada Konsumer/Pengguna melalui platform;
- 2.13 "Anda" bermaksud Pekongsi dan/atau Konsumer/Pengguna yang mana bersesuaian.

3. **REPRESENTASI, WARANTI DAN AKUJANJI**

4. **KESERASIAN**

Perbezaan model atau versi penghala, penyemak imbas dan peranti mungkin menyebabkan firmware atau tetapan tidak serasi dengan Aplikasi, Platform dan Perisian (Software). Sementara kami terus memajukan Aplikasi, Platform dan Perisian (Software) untuk sebaik mungkin menyokong semua model peranti dan penyemak imbas di pasaran yang biasa digunakan untuk Aplikasi, Platform dan Perisian (Software) di akses, kami tidak memberi jaminan keserasian Aplikasi, Platform dan Perisian (Software) dengan peranti telefon atau perkakasan lain yang khusus.

5. **PEMBERIAN LESEN DAN SEKATAN**

- 5.1 My Local maid dan pelesennya, jika berkaitan, memberikan anda lesen terhad yang bukan ekslusif yang tidak boleh dipindahmilik dan boleh dibatalkan untuk mengguna dan mengakses Aplikasi dan/atau perisian (Software) untuk menggunakan Perkhidmatan tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian ini. Kesemua hak yang tidak dinyatakan kepada anda adalah dirizabkan kepada My Local maid dan pelesennya.
- 5.2 Anda tidak dibenarkan untuk:
- 5.2.1 mengepos, membahagi atau mengeluarkan dengan mana-mana cara mana-mana bahan hak cipta, cap dagangan atau maklumat pemilikan lain tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada pemilik kepada hak milik tersebut; atau

5.2.2 membuang mana-mana hak cipta, cap dagangan atau notis hak milikan lain yang terdapat di dalam Aplikasi atau Platform.

## 6. BAYARAN

- 6.1 My Local Maid mengenakan bayaran untuk penggunaan Perkhidmatan oleh anda. Bayaran Perkhidmatan setelah dibayar tidak akan dikembalikan. Polisi tiada pengembalian bayaran ini hendaklah terpakai pada setiap masa meskipun anda membuat keputusan untuk membatalkan akses anda kepada Aplikasi/Platform, keputusan kami untuk membatalkan atau menahan akses anda kepada Aplikasi/Platform, gangguan terhadap Perkhidmatan samada dirancang, dengan niat atau tanpa disengajakan atau disebabkan apa juar alasan.
- 6.2 Anda dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa My Local Maid diberi kebenaran mentadbir dan bertindak sebagai ejen pemungut untuk anda membayar keseluruhan jumlah caj konsumen/pengguna yang dikenakan ke atas anda.
- 6.3 My Local Maid mempunyai kuasa mutlak untuk menahan proses mana-mana transaksi sekiranya dipercayai bahawa transaksi tersebut adalah melibatkan fraud, tidak sah disisi undang-undang atau melibatkan mana-mana aktiviti jenayah atau anda dan/atau pengguna memungkiri mana-mana di dalam Perjanjian ini. Dalam keadaan tersebut, anda tidak boleh membuat My Local Maid bertanggungan untuk mana-mana penangguhan, penahanan, pelupusan atau pembatalan mana-mana pembayaran kepada anda.
- 6.4 My Local Maid boleh atas pilihannya sendiri menawarkan promosi dengan ciri dan kadar yang berbeza bagi Solusi kepada mana-mana pengguna di mana tawaran promosi hendaklah dipatuhi oleh anda. My Local Maid boleh mengubah yuran perkhidmatan yang dikenakan pada bila-bila masa atas pilihannya sendiri.
- 6.5 Pengguna dikehendaki membuat bayaran sepenuhnya bagi kesemua perkhidmatan yang ditawarkan di Aplikasi menggunakan kaedah yang dipilih semasa tempahan, samada secara tunai atau salah satu kaedah bayaran secara automatik yang tersedia

- untuk anda di Aplikasi. Mana-mana bayaran yang dibuat tidak akan dikembalikan dan tidak boleh dibatalkan.
- 6.6 Bayaran secara automatic boleh dibuat menggunakan kad debit atau kredit atau melalui mana-mana kaedah yang tersedia di Aplikasi tersebut.Terma bagi bayaran bukan tunai yang dibuat oleh anda melalui Aplikasi akan ditadbir oleh Terma Perkhidmatan My Local Maid yang boleh diakses melalui laman web <https://www.mylocalmaid.com.my>

7. **ADUAN**

Mana-mana aduan di antara Pekongsi dan Pengguna hendaklah diselesaikan secara terus di antara satu sama lain.

8. **PEMILIKAN HARTA INTELEK**

My Local Maid dan pelesennya, jika berkaitan, hendaklah memiliki semua hak, dan kepentingan termasuk semua hak ke atas harta intelek yang berkaitan bagi Perisian (Software) dan/atau Aplikasi serta mana-mana penambahan lain perkhidmatan, cadangan, idea, penambahan permintaan, maklumbalas, syor atau maklumat lain yang disediakan oleh anda atau pihak lain berhubung perkhidmatan tersebut. Terma Perkhidmatan tidak membentuk perjanjian jualan dan tidak memindahkan hak kepada anda mana-mana hak pemilikan di dalam atau berkaitan dengan perkhidmatan, Perisian, dan/atau Aplikasi atau mana-mana hak harta intelek yang dimiliki oleh My Local Maid dan/atau pelesennya . Nama My Local Maid, logo, perkhidmatan, perisian dan/atau Aplikasi berkaitan dengan perisian dan/atau Aplikasi adalah cap dagangan My Local Maid. Pihak ketiga tidak mempunyai hak atau lessan untuk menggunakannya. Bagi mengelakkan kekeliruan, terma Perisian dan Aplikasi hendaklah termasuk komponen berkaitan, proses dan reka bentuk keseluruhannya.

9. **KERAHSIAAN**

Anda hendaklah menggunakan secara sendiri dan memegang kerahsiaan semua maklumat dan data berkaitan My Local Maid, khidmat, produk, urusan perniagaan, pemasaran dan pelan promosi atau operasi lain dan syarikat berkaitan My Local maid yang didedahkan kepada anda oleh atau bagi pihak My Local Maid (samada secara lisan, bertulis dan samada sebelum semasa atau selepas perjanjian ini) samada didapati secara langsung atau tidak langsung oleh anda daripada My Local maid, atau mana-mana syarikat berkaitan atau terbentuk di dalam perjanjian. Seterusnya, anda hendaklah memastikan bahawa anda hanya menggunakan maklumat tersebut secara persendirian untuk menggunakan Perkhidmatan dan hendaklah tanpa kebenaran terdahulu daripada My Local Maid mengemukakan maklumat tersebut kepada mana-mana pihak ketiga atau menggunakannya bagi tujuan lain.

#### **10. POLISI DATA SULIT DAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

My Local Maid mengumpul dan memproses data anda menurut Polisi Privasi agensi. Polisi Privasi terpakai kepada semua perkhidmatan My Local Maid dan dengan ini terma-terma dibuat adalah sebahagian daripada perjanjian ini.

#### **11. TANGGUNGRUGI**

Dengan bersetuju kepada Terma Perkhidmatan semasa menggunakan perkhidmatan ini, anda bersetuju bahawa anda hendaklah menanggunrugi My local Maid, pelesennya atau mana-mana pihak gabungannya, pegawai, pengarah, ahli, pekerja, peguam dan ejen daripada atau terhadap sebarang tuntutan gantirugi, liabiliti, kos dan perbelanjaan (termasuk kos peguam dan/atau kos tindakan regulatori) yang terhasil daripada atau berkait dengan:

- a) Penggunaan perkhidmatan, platform, perisian dan/atau Aplikasi oleh anda sewaktu berurus dengan pekongsi atau pengguna, pedagang pihak ketiga, penyedia, pekongsi, pengiklan dan /atau penyumbang;

- b) Pelanggaran atau kemungkiran mana-mana Terma Perkhidmatan, terma dan syarat mana-mana pihak ketiga, atau mana-mana undang-undang atau peraturan samada dirujuk atau tidak di sini;
- c) Pelanggaran mana-mana hak pihak ketiga, termasuk pekongsi atau pengguna yang diuruskan melalui perkhidmatan ini; atau
- d) Penggunaan atau penyalahgunaan perkhidmatan, platform, perisian dan/atau aplikasi; dan
- e) Di mana bersesuaian, pemilikan, penggunaan atau pengoperasian mana-mana harta, termasuk peruntukan solusi kepada pengguna melalaui perkhidmatan.

## 12. PELEPASAN JAMINAN

- 12.1 Aplikasi ini, kandungannya atau mana-mana perkhidmatan berkaitan adalah disediakan kepada anda adalah menurut prinsip sebagaimana sedia ada ("as is where is basis"). My Local Maid tidak memberi sebarang representasi atau apa-apa bentuk jaminan, secara nyata atau tidak nyata berhubung perisian, Aplikasi, Platform, Perkhidmatan , Terma Perkhidmatan, kandungan atau khidmat berkaitan. Meskipun kami berusaha memastikan Aplikasi adalah terkini, kami tidak meberi sebarang represenatsi, jaminan atau waranti samada secara nyata atau tidak nyata bahawa maklumat adalah tepat, lengkap dan terkini. Kami hendaklah tidak dipertanggungjawabkan bagi mana-mana kerugian berterusan samada secara langsung atau tidak langsung hasil daripada pengubahan atau pindaan kepada perisian, Aplikasi, Platform, perkhidmatan atau Terma Perkhidmatan.
- 12.2 My Local Maid tidak memberi representasi atau jaminan dalam apa jua bentuk samada secara nayata atau tidak nyata merujuk kepada Solusi yang disediakan oleh pekongsi atau mana-mana Solusi yang didapati melalui penggunaan Perkhidmatan. Anda bersetuju bahawa anda hendaklah menanggung risiko yang terhasil daripada penggunaan Perkhidmatan dan amna-mana Solusi yang disediakan oleh Pekongsi dan tidak boleh menuntut daripada My Local Maid berhubung perkara yang sama.

## **13. PENANGGUHAN INTERNET**

Perkhidmatan, platform aplikasi dan/atau perisian mungkin tertakluk kepada had, penangguhan dan mana-mana masalah berpunca daripada internet dan komunikasi elektronik termasuk peranti digunakan anda atau pekongsi bermasalah, tidak bersambung, di luar kawasan, ditutup atau tidak berfungsi. My Local maid tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana penangguhan, kegagalan penghantaran, kerosakan atau kerugian yang terhasil daripada permasalahan tersebut.

## **14. HAD LIABILITI**

14.1 Selain daripada yang dinyatakan tertakluk kepada peruntukan penuh undang-undang, mana-mana tuntutan terhadap My Local Maid hendaklah terhad hanya kepada jumlah agregat bagi kesemua jumlah yang dibayar atau yang berbaki oleh anda semasa menggunakan perkhidmatan pada setiap masa yang material. My Local Maid dan pelesannya hendaklah tidak bertanggungjawab bagi mana-mana kerugian, kerosakan atau kecederaan yang berlaku kepada anda atau kepada mana-mana orang yang anda menempah khidmat atau solusi termasuk tetapi tidak tertakluk hanya kepada:

14.1.1 Kerugian, kerosakan atau kecederaan yang disebabkan oleh atau berkait dengan perkhidmatan, platform, aplikasi dan/atau perisian;

14.1.2 Penggunaan atau kegagalan penggunaan perkhidmatan, platform, aplikasi dan/atau perisian;

14.1.3 Mana-mana sandaran yang dibuat oleh anda ke atas kecukupan, ketepatan atau kewujudan mana-mana iklan; atau

14.1.4 Sebagai hasil daripada mana-mana pertalian atau transaksi di antara anda, mana-mana pengguna, pekongsi, pedagang, pengiklan atau penyumbang

yang iklannya terpapar di laman web atau rujukan oleh perkhidmatan, aplikasi dan/atau perisian.